

Fiqah Muamalat Mendepani Teknologi Kewangan

Mohd Shahid Mohd Noh

Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Revolusi perindustrian atau IR 4.0 merupakan satu fenomena baharu dunia hari ini dengan kemunculan pelbagai jenis aplikasi moden dan canggih berteraskan Internet dan simpanan data. Kecanggihan teknologi ini tidak lagi terhad kepada sesetengah golongan sahaja, bahkan boleh diakses oleh semua manusia sekalipun berada di pedalaman yang terpencil. Rangkaian rangkaian komunikasi yang meluas juga antara faktor utama yang menyumbang terhadap revolusi industri pada alaf ini.

Teknologi kewangan (*financial technology* atau *fintech*) merupakan manifesto kesediaan dunia kewangan terhadap revolusi perindustrian ini. *Fintech* menggabungkan semua pemain yang selama ini berada di arena masing-masing, seperti pelanggan, institusi kewangan, pasaran saham, pengurus dana kewangan dan syarikat korporat dalam platform maya. Landskap *fintech* ini dilengkapi alternatif kewangan, pendanaan awam (*crowd funding*), perbankan digital, platform pelaburan digital, aplikasi pembayaran digital dan teknologi kripto, serta blok rantai (*blockchain*).

Fintech dan bank digital

Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia institusi bank di Malaysia pada bulan Mac 2020 telah mengeluarkan draf pendedahan (*exposure draft*) bagi perlesenan perbankan digital. Penerbitan draf ini akan menggalakkan pelancaran operasi perbankan digital di Malaysia di samping memberikan fokus utama segmen yang tidak dicakupi oleh perkhidmatan perbankan hari ini. Ternyata perbankan digital menyasarkan fokus yang lebih besar berbanding dengan perkhidmatan yang ditawarkan pada hari ini dan fasiliti yang lebih moden dan mesra pengguna.

Perbankan digital tidak beroperasi seperti perbankan dalam talian yang menjadi satu cabang perkhidmatan perbankan hari ini. Perbankan digital tidak memiliki ibu pejabat, cawangan dan staf yang ramai, tetapi fungsinya dijalankan secara dalam talian oleh kuasa kecerdasan buatan (Artificial Intelligence). Tata Consulting Services (TCS) ialah contoh syarikat bertaraf

dunia yang menjalankan operasi perbankan digital, sementara Revolut, N26 dan Monese antara contoh perbankan digital yang telah beroperasi di Eropah.

Urusan seperti pembukaan akaun, permohonan pembiayaan, dan sebagainya tidak lagi diuruskan secara bersemuka, tetapi diaturkan oleh sistem yang akan mengawal semua kontrak dan prosedur sekali gus menjadikannya lebih pantas dan cekap. Berbeza dengan prosedur perbankan hari ini yang masih lagi dikawal oleh manusia sekali gus terdedah isu dengan faktor kelalaian manusia.

Arus perubahan zaman digital ini tidak hanya terhad kepada aplikasi dan peralatan, tetapi merangkumi aset pelaburan yang menyerupai mata wang dikenali sebagai *cryptocurrency* atau mata wang kripto (MWK). Dilengkapi dengan ciri-ciri tersendiri, beroperasi menggunakan perantara logaritma, bersifat disentralisasi, setaraf, tidak ditadbir oleh mana-mana pihak berautoriti, tiada kawalan harga, memiliki kadar kemaruapan yang tinggi dan harga yang ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Hingga kini, terdapat lebih 5000 jenis MWK dalam pasaran maya yang boleh dibeli dan diniagakan oleh sesiapa sahaja.

Para cendekiawan syariah pada peringkat tempatan dan antarabangsa sering mengadakan siri perbincangan dan diskusi mengenai pandangan syariah terhadap MWK ini. Terdapat beberapa badan fatwa seperti Darul Ifta Mesir yang mengharamkan sebarang transaksi yang melibatkan MWK. Tidak kurang juga ulama yang menerimanya sebagai salah

"Arus perubahan zaman digital ini tidak hanya terhad kepada aplikasi dan peralatan, tetapi merangkumi aset pelaburan yang menyerupai mata wang dikenali sebagai *cryptocurrency* atau mata wang kripto (MWK)."



yang berterusan dalam bidang ini sama ada dari institusi pendidikan mahupun pemain industri yang sentiasa mencari jawapan dan penyelesaian terutamanya berkaitan dengan isu syariah yang dihadapi oleh industri kewangan Islam. Penubuhan fakulti atau pusat kajian di institusi pendidikan yang secara khusus mengkaji fenomena ini juga menunjukkan respon positif terhadap perkembangan pesat dalam sistem kewangan Islam.

Pada peringkat antarabangsa, institusi seperti Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), Akademi Fiqh Islam Antarabangsa serta Institusi Kefatwaan seperti Mesir dan Jordan bergerak aktif dan responsif untuk mengkaji dan memberikan pendapat mengenai isu kewangan kontemporari. Kemudahan komunikasi dan peranti yang canggih telah mempercepatkan

lagi proses penyelidikan dan perhubungan antara pihak yang terlibat. Resolusi yang dihasilkan oleh badan-badan seperti ini dapat membantu penyelidik dan pengkaji yang lain di seluruh dunia.

Isu kewangan dan *fintech* merupakan perkara baharu dalam arena diskusi fiqah dan undang-undang syariah. Perbezaan pendapat dan pandangan melahirkan satu norma yang perlu dihadapi dengan harmoni dan berlapang dada. Menilai dari sudut pandang berbeza akan menatijahkan pandangan yang berbeza. Perbezaan pendapat seperti ini telah wujud semenjak zaman sahabat Rasulullah SAW lagi dan diterima baik oleh mereka dan generasi seterusnya.

Syeikh Dr. Muhammad Taqiy al-Uthmani, seorang tokoh ilmuwan kewangan Islam mengulas bahawa "Mazhab Fiqah bukanlah satu wadah untuk menyalahkan pihak

lain dengan perkataan batal atau bertentangan dengan syariah, tetapi merupakan satu himpunan pelbagai pendapat dan pandangan yang mewakili syariat Islam yang terdapat ruangan untuk berjihad dan memberikan pendapat".

Harapan

Tugas yang mencabar sedang menanti pakar syariah untuk merungkaikan perkara baharu berkaitan dengan *fintech* pada zaman IR 4.0. Kesenian *usul al-fiqh*, kaedah fiqah dan maqasid syariah hendaklah dipraktikkan dan diadun sebaik-baiknya supaya falsafah syariah Islamiah sebagai rahmat untuk sekalian alam dapat direalisasikan. Di samping meraikan kehendak semasa sesuai dengan prinsip dalam kefatwaan "perubahan hukum yang mengikut perubahan masa dan tempat merupakan perkara yang tidak boleh dinafikan". ⁶⁷